

04/05/1998

PM rasmi wakil Perodua di Kaherah

ALOR STAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan syarikat wakil penjual Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) di Kaherah, Mesir, Sabtu depan.

Perdana Menteri akan merasmikan syarikat terbabit ketika beliau mengadakan lawatan rasmi ke Mesir, minggu depan.

Pengarah Urusan Perodua, Datuk Abdul Rahman Omar, berkata Dr Mahathir bersetuju merasmikan syarikat berkenaan sejajar usaha syarikat berkenaan memperluas pasaran di luar negara dengan penjualan kereta Kancil yang pertama di Mesir, Mac lalu.

Menurutnya, Perodua menerima 280 tempahan kereta terbabit selepas 80 unit pertama kereta Kancil di Mesir habis dijual dalam tempoh seminggu.

"Perodua amat berbesar hati dengan kesudian Perdana Menteri merasmikan syarikat wakil penjual kami di Kaherah dan ia akan menjadi pemangkin semangat kami untuk meningkatkan penjualan kereta Kancil di negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan variasi terbaru kereta Perodua Kancil jenis 'EX extra' dan merasmikan syarikat jualan Perodua Kancil cawangan bandar ini di sini, hari ini.

Perodua Kancil EX extra mempunyai lima kelajuan dengan tiga perbezaan harga berdasarkan peralatan pelengkap tambahan iaitu jenis A yang tiada pendingin hawa, pemain radio kaset dan penutup rim yang dijual pada harga RM21,762.

Jenis B pula yang hanya mempunyai pendingin hawa dijual pada harga RM23,902 manakala jenis C yang dilengkapi pelbagai peralatan tambahan dijual pada harga RM24,689.

Syarikat jualan cawangan terbabit adalah yang ke-18 di seluruh negara.

Beliau berkata, Perodua yang turut mengalami penurunan penjualan kereta Kancil akibat kegawatan ekonomi, menyediakan skim latihan pekerja di lojinya di Serendah, Selangor untuk bertugas sebagai wakil penjual dan wakil servis.

(END)